



USIM TODAY

usimtoday@gmail.com

اليوم

Knowledge, Faith and Good Deeds

FEB-MAC

EDISI PERTAMA

RM0.50

usimtoday@gmail.com

**Konvensyen
Keusahawanan
Islam
(iCEPS)**



>> Muka 3

**Program
Penhijauan
Indahkan
Fakulti: Dekan
FKP**



>> Muka 5

**Rumah
Sewa
Diceroboh**



>> Muka 7

Sheikhul Al-Azhar: Penerima Anugerah Ijazah Doktor Falsafah Kehormat USIM

- Oleh NORAZIMAH, SHAKIRAH dan NORINDAH



Sheikhul Al-Azhar (kiri) ketika berucap di Majlis Konvokesyen Khas USIM

“Ini merupakan salah satu usaha dan pendekatan USIM dalam memartabatkan Pengajian Islam di mata dunia serta menjadikan Sheikhul Al-Azhar sebagai sumber inspirasi. Personaliti dan sahsiah yang dimiliki beliau, wajar dicontohi oleh umat Islam khususnya mahasiswa USIM”

>> Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin
Naib Canselor USIM

>> BERITA LANJUT MUKA 3

Semua fakulti ada peluang - NC

Wawancara eksklusif *USIM TODAY / AL-YAUM* bersama Naib Canselor, Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin

- Oleh HAFSAH MOHAMED

>> BERITA LANJUT DI MUKA



USIM TODAY / ALYAUM

Pengerusi
PROF DATIN SRI DR HJH MIZAN ADILIAH AHMAD IBRAHIM

Ketua Program Komunikasi
PROF DR NAIM HJ AHMAD

Pengarang Eksekutif
MAZNI BUYONG

Ketua Pengarang
NOOR ADZRAH RAMLE

Editor
NORWAHIDAH RAMAN

Pembantu Editor
NORMALA SALLEH

Setiausaha
NOORHAZLEENA MOHD NORHAZLEE

Meja Rencana
SHAKIRAH SALLEHUDDIN
FARAH NADIA HARUN
RASIDAH MISNI

Meja Perniagaan
HAFSAH MOHAMED

Meja Sukan
LUKMAN NULHAKIM ISHAK

Kartunis
NURULWAHIDAH SHARIFFUDDIN

Penyelaras Kolum
NORAZIMAH IBRAHIM

Ketua Sub
HASRINAWATY HASSAN

Editor Sub
NAZIHAH ABDUL RAUH

Ketua Staf
CHE NORAINI CHE OMAR

Wartawan
MARIANA MUHAMAD
RAIHAYU NGAH
NORAZIZAN AHMAD
NURHAFIZA MARZUKIE
RAFIDAH SHAPUAN
HASMAHANI HARUN
NOOR AZWATI MOHD MUSTAA
NOR AIN MANAP
NIK NUR ASYIKIN NIK YAHYA
NORLINA RUSLI
NURULJANNAH IDRIS
ROZZUWANI MOHAMAD
HIFZULL AMRI CHE WAN HAMAT
MARIANA JUSOH
WAN SYUKRIAH WAN BAHARUDDIN
NORINDAH KHAIRI

Ketua Jurugambar
MOHD. SUHAIDI SAUTAR

Jurugambar
RABIATUL ADAWIYAH YAHYA
DYGKU MAHIRAH AWG BINTING

Pereka Grafik
MADIHAH MOHD YUSOF

USIM TODAY/ALYAUM diterbitkan oleh

Pelajar Kursus Kewartawanan
 Fakulti Kepimpinan & Pengurusan,
 Universiti Sains Islam Malaysia
 Bandar Baru Nilai 71800 Nilai,
 Negeri Sembilan.
 Tel: 06-7988000
 Faks: 067988254
 E-mail: usimtoday@gmail.com

INSPIRASI EDITOR

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Alhamdulillah bertemu kembali dalam USIM TODAY/ALYAUM. Setelah sekian lama USIM tiada penerbitan baru untuk suratkhbar yang diterbitkan oleh pelajar Kursus Kewartawanan, kini ia muncul kembali untuk menghangatkan USIM. Ia merupakan terbitan kedua setelah NILAI PRESS menerbitkan hasil kerja mereka pada semester yang lalu. Seiring dengan nama, nafas dan azam yang baru untuk memantapkan industri kewartawanan USIM. Ini adalah julung kalinya menggabungkan antara dua fakulti iaitu Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan kursus Kewartawanan dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama kursus Bahasa Arab dan Komunikasi. Dengan gabungan ini maka terhasil satu akhbar yang akan memenuhi pengetahuan siswazah yang berada di USIM. Ini merupakan edisi pertama bagi memaparkan mengenai aktiviti yang berlangsung di dalam dan luar USIM termasuk kawasan sekitar Nilai sepanjang semester ini.

Ini adalah satu pengalaman yang menarik untuk mendalami ilmu sebagai salah seorang wartawan kelak. Kita tidak akan mengetahui situasi yang sebenar sekiranya tidak mengalaminya sendiri. Inilah dunia wartawan yang perlu dihadapi untuk memajukan diri pada masa hadapan. Walaupun kami terpaksa menghabiskan masa sehingga lewat malam untuk menyiapkan akhbar ini, ini bukanlah satu bebanan yang berat untuk kami hadapinya. Kami anggap ia sebagai satu cabaran demi mengejar cita-cita dan impian serta merealisasikan pada masa hadapan. Kelahiran USIM TODAY/ALYAUM ini membuktikan bahawa Kursus Kewartawanan USIM juga setanding dan mampu bersaing dengan universiti yang lain, di samping pelajar dapat mengaplikasikan apa yang telah kami pelajari di dalam kelas. Pihak kami mengharapkan agar surat khbar ini akan menjadi wadah dan satu platform untuk memupuk minat membaca di kalangan pelajar USIM khususnya dan juga meranghumi warga USIM keseluruhannya.

Diharapkan agar akhbar ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan terutamanya dari warga USIM. Sebelum mengakhiri kalam, ribuan terima kasih diucapkan kepada para pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berusaha menjayakan penerbitan pada kali ini. Tidak dilupakan jua pada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan dan menghasilkan terbitan kali ini. Semoga Allah memberkati jasa dan bantuan kalian.



NORWAHIDAH RAMAN
 -EDITOR-

Semua fakulti ada peluang-NC

Oleh HAFSAH dan HASMAHANI

Nilai-Perasmian Sukan antara fakulti (SUFA) dirasmikan oleh Prof Dato' Dr Abdul Shukor, Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan. Berikut adalah wawancara eksklusif USIM Today bersama Prof Dato' Dr Abdul Shukor.

U.T: Apakah harapan Dato' pada SUFA kali ini?

Dato': Pertama kita ingin menggerakkan unit sukan, bukan sahaja latihan bermusim tapi menggerakkan unit sukan ini sepanjang semester. Kita akan memilih dan melatih pelajar ini bukan sahaja dari segi fizikal, mental dan cara permainan yang baik. Kita juga menyediakan jurulatih yang berpengalaman dan bertauliah. Kita harap dapat melahirkan atlet-atlet yang berwibawa.

U.T: Pada pandangan Dato', mengapakah program sukan lebih mendapat sambutan berbanding program ilmiah?

Dato': Saya mengharapkan sukan ini sebagai usaha yang berterusan dan tidak hanya bermusim, ia memerlukan latihan yang berterusan untuk membina fizikal dan mental serta cara menghayati cara permainan dengan baik. Selain persiapan kita juga mengharapkan mahasiswa untuk meluangkan masa bukan mengharap mahasiswa untuk mengabaikan pelajaran tetapi sukan ada waktu tertentu. Kita juga cuba melihat sukan-sukan yang mempunyai potensi seperti bola sepak, badminton, golf mempunyai harapan baik.

U.T: Pada pandangan Dato' sebagai orang berpengalaman, apakah rahsia untuk menjadi sihat dan cergas?

Dato': Tiada rahsia untuk menjadi sihat dan cergas tapi yang penting adalah kita perlu mensistematisasikan diri kita. Menjaga kesihatan kita daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan.



Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hussin

terutamanya merokok dan minum minuman keras. Ini adalah perkara-perkara yang tidak berfaedah dan tidak mungkin seseorang itu menjadi atlet yang berjaya. Kemudian, makan makanan yang seimbang. Ketiga, mendisiplinkan diri untuk menjadi atlet yang baik. Kita melihat bagaimana seorang atlet boleh berjaya contohnya atlet bina badan, Szali Samad. Kita lihat bagaimana dia menjaga kesihatan dan pemakanan, apabila puasa dia puasa, apabila pakar pemakanannya menasihati supaya dia makan 20 biji telur dan jangan makan lemak, dia mengikut nasihat tersebut.

U.T: Seperti dalam ucapan Dato', untuk menjadi pasukan yang mantap, perlukan fizikal yang sempurna, mental yang mantap, dan praktikal yang tinggi. Mungkinkah ia boleh dipraktikkan oleh seorang pelajar dari segi akademik?

Dato': Dalam sabda Nabi, **«العمل السليم في الجسم»**

«المسلم» minda yang sihat datang dari badan yang sihat, minda kita ada hubungan dengan fizikal kita. Jika fizikal kita sakit bagaimana hendak belajar, contohnya jika fizikal kita demam bagaimana otak nak menumpukan pada pelajaran, jika fizikal baik, otak pun baik, mudah hendak belajar. Kita perlu disiplinkan masa, minda, makanan dan belajar, maka kita boleh melahirkan bukan sahaja ahli sukan yang berjaya malah pelajar yang cemerlang.

U.T: Berdasarkan kekuatan kontijen, pasukan dari fakulti mana yang mampu bergelar juara pada pertandingan SUFA kali ini?

Dato': Pada saya semua mempunyai peluang sama, yang membezakan hanya pasukan yang mempunyai komitmen tinggi, mereka yang akan bergelar juara. Ini kerana, peluang dan latihan yang diberi adalah sama, atlet yang merebut peluang itu dan bersungguh-sungguh berlatih dan mempunyai cara permainan yang baik, mereka yang akan berjaya. Tidak boleh bergantung kepada nasib semata-mata.



Perasmian SUFA 2008



Tarikh	Hari	Subuh	Syuruk	Zohor	Asar	Maghrib	Isyak
1-3-2008	Sabtu	6:06	7:22	13:26	16:40	19:27	20:36
2-3-2008	Ahad	6:06	7:22	13:26	16:40	19:27	20:36
3-3-2008	Isnin	6:05	7:22	13:26	16:39	19:27	20:36
4-3-2008	Selasa	6:05	7:21	13:26	16:38	19:27	20:36
5-3-2008	Rabu	6:05	7:21	13:25	16:38	19:27	20:36
6-3-2008	Khamis	6:05	7:21	13:25	16:37	19:26	20:35
7-3-2008	Jumaat	6:04	7:21	13:25	16:36	19:26	20:35
8-3-2008	Sabtu	6:04	7:20	13:25	16:36	19:26	20:35
9-3-2008	Ahad	6:04	7:20	13:24	16:35	19:26	20:35
10-3-2008	Isnin	6:04	7:20	13:24	16:34	19:26	20:35
11-3-2008	Selasa	6:03	7:19	13:24	16:33	19:26	20:34
12-3-2008	Rabu	6:03	7:19	13:24	16:32	19:25	20:34
13-3-2008	Khamis	6:03	7:19	13:23	16:32	19:25	20:34
14-3-2008	Jumaat	6:02	7:18	13:23	16:31	19:25	20:34
15-3-2008	Sabtu	6:02	7:18	13:23	16:30	19:25	20:34
16-3-2008	Ahad	6:02	7:17	13:23	16:29	19:25	20:33

Sheikhul Al-Azhar: Penerima anugerah Ijazah Doktor Falsafah Kehormat USIM

Oleh NORAZIMAH, SHAKIRAH dan NORINDAH

NILAI - Setelah lebih tujuh tahun beroperasi, USIM melangkah setapak lagi dalam merealisasikan objektif penubuhannya sebagai IPTA yang ke-12, dengan memberikan Ijazah Doktor Falsafah Kehormat yang pertama kepada Sheikhul Al-Azhar, Dr Muhammad Sayyid Tantawi, 16 Februari lalu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh D.Y.M.M Tuanku Najihah ibni Almarhum Tunku Besar Burhanuddin.

Dalam ucapan yang disampaikan oleh Naib Canselor USIM, Prof Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin, pemilihan Sheikhul Al-Azhar adalah untuk menaikkan nama Pengajian Islam di mata dunia.

Pemilihan tersebut berdasarkan sumbangan dan kedudukan beliau sebagai tokoh ilmunya yang ke-46 di Mesir.

"Personaliti dan sahsiah yang dimiliki beliau wajar dicontohi oleh umat Islam khususnya mahasiswa USIM," tambah beliau lagi.

Ketika berucap pada majlis yang sama, Sheikhul Al-Azhar melahirkan rasa gembira di atas penganugerahan tersebut selain berharap penganugerahan ini dapat merapatkan lagi hubungan antara dua negara, Malaysia dan Mesir.

"Saya juga berharap pelajar USIM khususnya dan pelajar IPT di seluruh dunia amnya memperjuangkan ilmu dan sentiasa berijtihad serta bersabar dalam mencari ilmu kerana ilmu sangat penting dan orang-orang yang berilmu (ulama) adalah pewaris nabi," tambah beliau lagi.



Sheikhul Al-Azhar (tengah) ketika sidang akhbar berlangsung.

Elham Jah Ar-Rasul, 30, dari Sudan, berpendapat, pemilihan Sheikhul Al-Azhar bagi anugerah itu amat sesuai kerana beliau merupakan ikon umat Islam dan pendekatan yang digunakan beliau tidak bercanggah dengan agama Islam serta boleh diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat seluruh dunia.

Manakala Khairul Anuar Mohamad, pensyarah FPQS, USIM berpendapat, penganugerahan tersebut adalah wajar bagi mengiktiraf sumbangan buah fikiran dan pandangan beliau berkaitan ilmu agama dalam bidang agama khususnya.

"Beliau adalah seorang yang mampu menarik perhatian dunia dengan ucapan dan buah fikiran yang bernas berkaitan Islam. Pendekatan yang digunakan oleh beliau sesuai untuk semua golongan.

Yusuf Abdul Jalil, 39, dari Nigeria, berpendapat Sheikhul Al-Azhar merupakan seorang ulama' ternama yang layak menerima anugerah seumpama ini kerana sumbangannya dalam bidang ilmu khususnya bidang Usuluddin.

Sementara itu, Mohd Fadli Mohd Yusof, Pegawai di Bahagian Fatwa Jabatan Mufti, Negeri Terengganu berpendapat anugerah ini sesuai diberi kepada tokoh ulama' dunia seperti Muhammad Sayyid Tantawi.

"Suara beliau mewakili masyarakat Islam, dan orang bukan Islam sangat menghormati pandangan beliau yang sentiasa kena pada tempat dan tidak mengguris perasaan mana-mana pihak," ujar beliau.



Elham Jah Ar-rasul



Khairul Anuar

Berkorban demi anak bangsa

Oleh NORAZIZAN dan MARIANA M

NILAI - Majlis Perbandaran Nilai dengan kerjasama Majlis Kecergasan Kebangsaan (NIC), KESUMAS, AADK, dan PENGASIH telah mengadakan karnival 'Keluarga Bahagia Tanpa Dadah' pada 15 hingga 17 Februari 2008 di Pentas Awam Nilai 3.

Menurut Darmis, 45, urusetia program, antara program yang diadakan ialah Forum Perdana Ehwat Islam bersama kumpulan nasyid UNIC, senamrobik bersama artis, pertandingan karaoke, pertandingan mewarna dan konsert Belia Benci Dadah untuk menyampaikan maklumat mengenai belia benci dadah kepada masyarakat setempat.

Menurutnya lagi, syarikat-syarikat swasta juga terlibat untuk menayakan program ini seperti Naza, Proton, Akma Dan Bio Sinar.

"Sebagai masyarakat, kita seharusnya berbangga kerana masih terdapat pihak yang mengambil berat terhadap kemajuan golongan belia seperti syarikat-syarikat penaja ini," tambahnya lagi.

Abdul Karim, 51, selaku pengurus Akma berkata program seperti ini amat bermakna kerana belia adalah generasi yang disandarkan harapan untuk memimpin masyarakat dan membawa kejayaan pada masa hadapan.

"Kami telah membelanjakan sejumlah kos yang besar untuk iklan dan promosi, oleh itu kami menyanankan agar masyarakat sekeliling bersikap ambil tahu dan melibatkan diri dengan program yang dianjurkan," kata beliau.

Menurut Adam AF, program ini bertujuan menyedarkan belia mengenai bahaya dadah perlu diadakan terus kepada kumpulan sasaran yang terlibat dalam kancih ini.

A Rahman Onn, artis veteran berpendapat, sifat ingin mencuba di kalangan belia menjadi punca kepada masalah ini.

Beliau menambah, artis bukan sekadar penghibur, tetapi juga memainkan peranan penting untuk dijadikan ikon kepada mereka supaya tidak terlibat dengan pengambilan dadah.

Karnival tersebut diakhiri dengan konsert bertemakan Belia Benci Dadah oleh artis-artis seperti Nas Adila, Anis Anisa, A Rahman Onn, Salwa, Ejam dan Adam AF.

Konvensyen Keusahawanan Islam (iCEPS) 2008

Oleh DYCKU MAHIRAH, RASIDAH dan CHENORAINI

NILAI - Pelajar tahun akhir Fakulti Ekonomi Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah berjaya melaksanakan Konvensyen Keusahawanan Islam (iCEPS) 08 selama empat hari bermula 14 hingga 17 Februari bertempat di Stadium Tertutup Nilai.

Pengarah program, Mohd Nur Aqmal Mohd Sairi, 23, berkata antara objektif iCEPS 08 adalah untuk mengemukakan usahawan bumiputra khususnya dikalangan pelajar USIM.

"iCEPS kali ini juga memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar USIM untuk terlibat dalam aktiviti pemiagaan sekaligus mengaplikasikan teknik perniagaan yang berkesan," ujarnya.

"Program-program yang berlangsung tidak terhad kepada pelajar USIM sahaja bahkan aktiviti-aktiviti ini turut melibatkan para pengunjung yang datang ke konvensyen ini.

Di samping itu juga, pihak iCEPS telah menjemput beberapa buah tadika yang berdekatan untuk turut sama memeriahkan lagi program.

Menurut Farhana Mohd Zam Zam, 22, iCEPS adalah satu peluang yang baik kerana para pelajar dan para peniaga boleh bertukar-tukar pendapat mengenai pemiagaan.

"Selain berpeluang untuk membeli barang, para pengunjung juga berpeluang untuk menyertai pelbagai aktiviti yang menarik antaranya *auto show* dan *minibike*," jelasnya.



Kumpulan Instinct turut menjayakan Konsert 'Gema Alam'

Sementara itu, Badrul Hisyam Mohd Yusof, 21, berpendapat perancangan iCEPS kali ini agak baik kerana pihak penganjur berjaya menyediakan pelbagai aktiviti menarik, dan berharap pada masa akan datang pihak penganjur dapat menambah lebih banyak lagi aktiviti seperti aktiviti *outdoor*.

Salah seorang peserta *Auto Show*, Azlan Ahmad, 34, berkata, beliau telah melibatkan diri dalam aktiviti ini selama lapan tahun.

Tambah beliau lagi, RM 78 ribu telah dibelanjakan untuk mengubah suai keretanya sepanjang tempoh ini.

"Saya akan merasai kepuasan setelah memenangi sesuatu pertandingan mengatasi jumlah wang yang telah dibelanjakan," jelasnya.

Selain daripada pertandingan *Auto Show*, iCEPS juga menyediakan pelbagai program yang menarik iaitu Seminar Keusahawanan, Pertandingan Tilawah Al-Quran, Kempen Derma Darah, Gerai Koridor Niaga, Konsert 'Gema Alam', *Minibike* dan *Motoshow*, Pemeriksaan Mata, Pertandingan Memasak, Pertandingan Gubahan Hantaran, *Treasure Hunt*, dan Pertandingan Nasyid. Kesemua aktiviti ini telah dilaksanakan dengan jayanya.

Majlis penutup Konvensyen ini telah disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan.



Pelajar USIM yang turut berniaga di iCEPS.

Kami mahu mesin ATM lagi

Oleh NOOR HAZLEENA

NILAI - Hanya satu mesin ATM untuk 5000 pelajar. Kedengaran pelik, namun itulah realiti yang terpaksa dilalui oleh warga USIM di sini. Difahamkan, sejak universiti ini mula beroperasi, tiada penambahan mesin ATM dilakukan meskipun aduan telah dibuat.

"Sejak kami berpindah ke kampus tetap, jumlah mesin ATM hanya satu sehinggalah sekarang," jelas Hasrinawaty Hassan, 23.

Masalah ini jelas membebaskan pelajar memandangkan hanya satu mesin ATM ini mereka bergantung harap untuk mengeluarkan wang. Seorang pelajar, Mohd Nik Hafiz Abdul Rahman, 22 mengaku bahawa masalah kekurangan mesin ATM ini amat menyusahkan terutamanya ketika waktu puncak. Selain terpaksa beratur panjang, masalah kelewatan masuk ke kelas juga membebaskan mereka.

"Saya selalu beratur panjang untuk mengeluarkan wang dan kadang-kadang terpaksa berulang-alik dua atau tiga kali untuk mengelakkan lewat masuk ke kelas," katanya.

Dia turut menyatakan terdapat juga segelintir pelajar yang terpaksa berlajar akibat kerosakan mesin ATM terbabit.

"Ada juga rakan-rakan yang tidak dapat membeli makanan gara-gara mesin ATM kehabisan wang," tambahnya lagi. Situasi ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan USIM adalah salah satu IPTA yang sedang menempah nama. Seorang pelajar luar yang datang untuk perbincangan di sini,

melahirkan rasa terperanjat apabila mengetahui hanya terdapat satu mesin ATM sahaja di sini.

"Saya terkejut melihat ramai orang beratur panjang dan hanya ada satu mesin ATM yang beroperasi," ujar pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Noraishah Buang, 25. Seorang pensyarah di sini menyifatkan keadaan ini mencerminkan kebajikan pelajar tidak terjaga.

Menurut Dr Ahmad Pangidon Nassution, beliau banyak mendapat aduan dari pelajarannya tentang masalah ini berikutan mereka tidak mempunyai kenderaan sendiri dan hanya mengharapkan mesin ATM ini semata-mata. Beliau turut menyatakan rasa hairan kerana ruang yang disediakan sememangnya mampu untuk penambahan mesin ATM lagi.

"Setahu saya masih terdapat ruang kosong di tempat pengeluaran wang tersebut. Lebih baik diletakkan sebuah lagi mesin ATM dari dibiarkan kosong begitu sahaja.

"Saya amat kasihan kepada para pelajar kerana ini adalah salah satu kemudahan awam yang penting kepada pelajar selain klinik kesihatan," jelasnya.

Sementara itu, mantan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Biro Kebajikan, Lukman Nulhakim Ishak, 24, ketika diminta mengulas lanjut berkata, masalah ini telah diketengahkan dan perbincangan dengan pihak bank juga telah dibuat.

"Setahu saya masalah ini telah diberi perhatian dan tindakan juga telah diambil. Saya tidak tahu kenapa masih tiada penambahan mesin ATM," jelasnya.



Pelajar beratur panjang untuk mengeluarkan wang

Minggu Integriti USIM

Oleh NORHAZLEENA dan HASRINAWATY

NILAI- Warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menyahut seruan kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai murni dengan mengangkat sumpah Integriti di hadapan Presiden Institut Integriti Malaysia, Datuk Dr Mohd Tap Salleh.

Beliau yang turut merasmikan Minggu Integriti menekankan bahawa nilai murni merupakan elemen penting yang harus ada pada diri pelajar.

"Nilai yang bermula dari manusia, tumbuh dari kesedaran fitrah dan dizahirkan melalui hati yang bersih," ulas beliau semasa menyampaikan ucapan.

Majlis yang turut dihadiri Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr Abdul Shukor Haji Husin berharap objektif program ini dapat dicapai dan seterusnya melahirkan graduan Muslim yang berminda dan berpersonaliti kelas pertama.

Seorang pelajar, Norhamizah Adenan, 22, menyifatkan program ini amat bertepatan dengan misi universiti dan mampu melatih diri dengan lebih berdisiplin.

"Program ini bagus kerana ia memberi kesedaran untuk membina sahsiah dalam pembentukan modul insan.

"Disiplin juga mencerminkan keperibadian diri dan ia perlu dipraktikkan dalam program seperti ini," jelasnya. Seorang pelajar lain yang ditemui, Siti Halimatun Saadiah, 25, berkata, "Program sebegini perlu diteruskan agar ia memberi kesedaran betapa pentingnya integriti dalam menguruskan

"Program seperti ini mampu mengeratkan hubungan sesama pelajar disamping melatih diri untuk lebih berdisiplin"

urusan seharian."

Antara pengisian program yang bermula pada 28 Jan sehingga 1 Feb ialah Kempen Sebarkan Salam, Pamernan Rencana dan Penjagaan Keselamatan, Pertandingan Kolej Kediaman Terbaik, dan Penguatkuasaan Etika Pakaian Pelajar.

Setiap fakulti turut mengambil bahagian sepanjang


Minggu Integriti ini dengan menganjurkan program-program yang dapat membina dan mengukuhkan lagi Integriti pelajarinya.

Seorang pensyarah FPBU, Amida Abu Bakar, 32, berkata, "Pihak fakulti telah menyediakan pelbagai program Bengkel Plagiarisme dan Lawatan Sambil Belajar."

Menurut pelajar fakulti ini, Rafidah Shapuan, 24, beliau menyokong penuh program ini kerana ia menanam semangat perpaduan di kalanganarganya.

"Program seperti ini mampu mengeratkan hubungan sesama pelajar disamping melatih diri untuk lebih berdisiplin,"ujarnya.

Majlis perasmian tersebut turut diserikan dengan persembahan pentas oleh warga USIM seperti deklamasi puisi, nasyid dan sketsa.



Amida Abu Bakar

Sutera Indah anjur hari mesra pelanggan

Oleh MOHD SUHAIDI dan NORWAHIDAH

NILAI- Meriah dalam kesederhanaan. Itulah gambaran yang dapat diperkatakan bagi program hari mesra pelanggan Kolej Kediaman Sutra Indah bersempena dengan Minggu Integriti USIM 08.

Majlis yang bermula pada jam 8 pagi dengan acara senamrobik yang diketuai oleh Azam Entertainment, menarik minat 70 orang peserta yang terdiri daripada penghuni kolej kediaman tersebut. Selain senamrobik, permainan bola jaring lelaki, futsal serta sukaneka turut diadakan.



Sebahagian penghuni kolej yang menyertai acara senamrobik

Menurut Akmal Muzamir, 21, selaku pengarah program, tujuan program ini diadakan adalah untuk merapatkan hubungan antara pelajar dengan pengetua kolej kediaman serta memupuk semangat perpaduan dikalangan pelajar itu sendiri.

"Selain daripada itu, tujuan program ini dianjurkan adalah bagi memperkenalkan barisan JAKSA Sutera Indah kepada para penghuni kolej kediaman," ujarinya lagi.

Menurut pengerusi JAKSA Sutera Indah, Muhammad Ridhuan Jaafar, 23, program ini merupakan program yang julung kali diadakan di sini.

"Diharap program ini bukan sekadar program, malah ukhwah yang diharapkan terjalin, akan tersemat selama-lamanya sebagai platform untuk mewujudkan perpaduan muhibbah di kalangan para pelajar," ujarinya ringkas.

"Program seperti ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan silaturrahim, malah boleh menyihatkan badan. Tanpa badan yang sihat, tidak mungkin para pelajar dapat belajar dengan sempurna," ujarinya penuh semangat. Bagi Ahmad Fahmi Najiy, 24, program sebegini bagus serta berjalan dengan lancar kerana mendapat kerjasama para penghuni kolej.

"Sambutan yang menggalakkan dan diharap pihak penganjur dapat memperbanyakkan lagi acara bagi menarik minat lebih ramai para penghuni kolej menyertainya pada masa akan datang,"ujarnya ringkas.

Pada sebelah malamnya pula, diadakan majlis interaksi di antara penghuni kolej kediaman dengan pengetua kolej kediaman untuk mendengar permasalahan yang timbul dikalangan para penghuni kolej serta mencari jalan penyelesaian.

Majlis penyampaian hadiah merupakan acara kemuncak pada malam itu. Antara yang turut hadir memeriahkan majlis adalah penolong pengurus, asrama dan felo Kolej Kediaman Sutra Indah. Para hadirin dijamu dengan jualan BBQ.

Pada sebelah malamnya pula, diadakan majlis interaksi di antara penghuni kolej kediaman dengan pengetua kolej kediaman untuk mendengar permasalahan yang timbul dikalangan para penghuni kolej serta mencari jalan penyelesaian.

Majlis penyampaian hadiah merupakan acara kemuncak pada malam itu. Antara yang turut hadir memeriahkan majlis adalah penolong pengurus, asrama dan felo Kolej Kediaman Sutra Indah. Para hadirin dijamu dengan jualan BBQ.

Majlis penyampaian hadiah merupakan acara kemuncak pada malam itu. Antara yang turut hadir memeriahkan majlis adalah penolong pengurus, asrama dan felo Kolej Kediaman Sutra Indah. Para hadirin dijamu dengan jualan BBQ.

Sambutan pameran amat menggalakkan

Oleh NURHAZLEENA

NILAI - Sambutan para pelajar terhadap pameran Keselamatan Jabatan Pertahanan Awam bersempena Minggu Integriti yang berlangsung selama dua hari berturut-turut mulai 29 Januari 2008 anjuran bersama JPA amat menggalakkan.

Menurut Leftenan Wan Hamidi Wan Hassan, Pegawai Pertahanan Awam di Jabatan Pertahanan Awam Seremban, pameran ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai peranan JPA.

"Pelajar USIM memberi komitmen yang baik sepanjang pameran ini dan banyak soalan yang diutarakan oleh pelajar kerana mereka masih belum memahami tugas JPA yang sebenarnya.

"Tugas jabatan ini mula dikenali oleh masyarakat sejak berlakunya peristiwa kondominium Highland Tower runtuh serta peranannya amat penting selaras dengan perkhidmatan keselamatan yang lain, cuma bezanya adalah jabatan ini merangkumi semua perkhidmatan-perkhidmatan keselamatan yang sedia ada," jelas beliau lagi.

Beberapa orang pelajar berpendapat bahawa pameran sebegini amat digalakkan kerana pelajar mendapat pendedahan awal untuk mengetahui maklumat tentang JPA selain memahami peranan jabatan

Perasmian Penutupan Minggu Integriti

Oleh FARAH NADIA dan NAZIHAH

NILAI - Majlis perasmian penutupan Minggu Integriti Inter Kolej Kediaman yang disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni), Prof Dato' Dr Asin

Dollah berlangsung dalam suasana meriah di Kolej Kediaman Nilam Court (KKNC) di sini.

Dalam ucapan ringkasnya, beliau memuji penglibatan mahasiswa USIM dalam setiap program dan pertandingan sepanjang Minggu Integriti berlangsung serta sekaligus melancarkan PERBES (Program Rancangan Rumah Bersih dan Tercantik).

"Saya mengharapkan Minggu Integriti ini memberi manfaat kepada semua pelajar," kata beliau.

Menurut ahli jawatankuasa penyelarasan dan pelaksana, Md Ishah Rahman, Minggu

Integriti ini akan menjadi acara tahunan universiti dan tujuan dijalankan untuk memberi kesedaran kepada pelajar betapa pentingnya disiplin dalam berintegriti itu sendiri serta

harapannya semoga pelajar membudayakan integriti bukan sahaja dalam Minggu Integriti malahan disepanjang masa secara konsisten dan bertepatan.

Majlis itu turut diserikan dengan pertandingan nasyid anjuran (KKSI) dengan setiap lima kolej mengambil bahagian dan satu penyertaan daripada kolej luar iaitu Desa Anggerik Kolej Kediaman Pandan Mewah dan Kolej Kediaman Sutra Indah masing-masing merangkul dua kemenangan dengan meraih tempat pertama.

Pertandingan nasyid dan sketsa dimenangi Kolej Kediaman Sutra Indah, manakala boria dan pantun diungguli Kolej Kediaman Pandan Mewah.

Selain itu, keputusan bagi tiga pertandingan lain, sketsa, pantun dan boria turut diumumkan bersama pertandingan nasyid.

Hadiah bagi setiap pertandingan berupa hamper, wang tunai serta sijil penyertaan bagi setiap peserta.

"Apa yang saya tahu, tugas JPA adalah mengambil apa jua langkah untuk menyelamat, melindungi dan mengurangkan kemalangan nyawa serta kerosakan harta benda awam.

"Melalui pameran sebegini saya juga memperolehi maklumat yang banyak seperti alat-alat keselamatan yang digunakan oleh JPA," jelas Nurul Farhana Abd. Ghaffar, 21, pelajar FSU.

"Apa yang saya tahu, tugas JPA adalah mengambil apa jua langkah untuk menyelamat, melindungi dan mengurangkan kemalangan nyawa serta kerosakan harta benda awam.

"Melalui pameran sebegini saya juga memperolehi maklumat yang banyak seperti alat-alat keselamatan yang digunakan oleh JPA," jelas Nurul Farhana Abd. Ghaffar, 21, pelajar FSU.

"Pameran sebegini amat digalakkan kerana ada sebilangan pelajar yang kurang memahami peranan JPA dan melalui pendedahan ini adalah salah satu alternatif yang sangat baik," kata A'rifah Barhanuddin, 23, FKP.

Pendapat itu turut disokong oleh Suraiya Mohd Radzi, 22, FKP yang mengakui kurang memahami peranan JPA sebelum ini.

"Saya mengakui tidak mengetahui dengan lebih terperinci mengenai tugas JPA yang sebenarnya tetapi dengan adanya pameran sebegini sedikit sebanyak saya mula memahami JPA dengan sepenuhnya," ujarinya lagi.

Antara alat-alat keselamatan yang dipamerkan adalah peralatan lawan kebakaran dan peralatan Baywatch.

"Saya mengharapkan Minggu Integriti ini memberi manfaat kepada semua pelajar"

Program Penghijauan indahkan fakulti: Dekan FKP

Oleh DYG MAHIRAH, RABIATUL dan NORMALA

NILAI-Program Penghijauan Kampus' telah diadakan dengan jayanya pada 30 Jan 2008, bertempat di kawasan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Program ini adalah antara aktiviti yang dianjurkan oleh FKP bersempena dengan Minggu Integriti. Program ini telah di hadiri oleh para pensyarah, kakitangan fakulti dan pelajar. Acara perasmian telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti, Prof Datin Sri Dr Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim.

Program penghijauan ini melibatkan semua pelajar FKP, para pelajar dikehendaki menanam pokok bunga dan menjaga bunga tersebut di kawasan angkat yang telah diberikan kepada mereka.

Menurut Dekan Fakulti, program penghijauan ini bertujuan untuk mengindahkan lagi kawasan fakulti.

"Kita dapat mencantikan lagi pemandangan kawasan fakulti dengan bunga-bunga yang berwarna-warni, disamping itu juga para pelajar dapat memahami defenasi integriti," ucapnya pada majlis perasmian Program Penghijauan Kampus.

Setelah upacara perasmian dilakukan, Dr Sapora Sipon memberikan taklimat kepada para pelajar tentang perjalanan proses program penghijauan ini. Setiap kursus dalam FKP diberikan kawasan angkat mengikut tahun dan diketuai oleh seorang ketua.

Menurut Abdul Halim Mohd Husin, Pensyarah FKP, berkata, program ini merupakan satu permulaan yang sangat baik.

"Selain dapat menghijaukan kawasan kampus, pelajar dapat menjaga pokok bunga dengan baik. Selain itu, ianya dapat meningkatkan "team work" di kalangan mahasiswa," katanya.

Beliau berharap program ini akan mendapat sokongan dari pihak universiti sekaligus dapat menjadikan para pelajar lebih proaktif untuk menjaga kawasan fakulti.

Sementara itu, Muhd Hafizam Sufaat, pelajar Komunikasi, berkata, program ini dapat mendisiplinkan pelajar serta mengeratkan lagi hubungan antara para pelajar dan pensyarah.

"Selain dapat menanam pokok bunga, program

ini juga dapat mendisiplinkan para pelajar untuk bertanggungjawab menjaga kawasan yang telah diberikan. Di samping itu juga, program ini juga boleh mengeratkan silaturrahim di kalangan pelajar dan juga para pensyarah serta kakitangan fakulti," jelasnya.

Menurut Muslim Mohammad, pelajar Kaunseling, program ini merupakan satu tindakan yang progresif untuk mengeratkan dan mengukuhkan hubungan sesama warga FKP.

Muhammad Fauzi Ali, pelajar Dakwah, berpendapat, program ini adalah satu langkah yang bijak untuk menghiaskan lagi landskap supaya pelajar berasa tenang ketika berada di kawasan kampus.

"Selain dapat bekerjasama untuk menghijaukan kawasan fakulti, program ini juga mempunyai matlamat lain untuk menyatukan ukhawah di kalangan pelajar FKP," jelasnya.

Sementara itu, Nurhafiza Marzukie, pelajar Komunikasi, berkata, program ini dapat

menceriakan kawasan fakulti dengan bunga-bunga yang berwarna-warni yang akan menjadikan semua warga FKP akan sentiasa ceria dengan keadaan ini.

Aktiviti menanam pokok bunga berakhir kira-kira jam 6.00 petang, majlis diakhiri dengan jamuan ringan yang telah disediakan oleh pihak fakulti kepada para pensyarah, kakitangan dan pelajar.



Integriti di kalangan pelajar

FPBU pilih BPR Negeri Sembilan

Oleh RAFIDAH, MADIAH, NORAZIZAN dan MARIANA

NILAI-Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah memilih Badan Pencegah Rasuah (BPR) Negeri Sembilan, sebagai tempat lawatan pelajar-pelajar mereka pada hujung Januari lalu.

Menurut Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah Seremban, Encik Roszaini Bin Abu, pihaknya sentiasa mengalu-alukan lawatan daripada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT).

"Lawatan seperti ini banyak membantu kami dalam mendapat idea-idea baru terutama selepas sesi soal jawab dengan pelajar-pelajar. Kami juga mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar (IPT) untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai kegiatan rasuah sebagaimana yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dari USIM ini.

"Ini kerana sebanyak 35% pelajar-pelajar di Institut Pengajian Tinggi sudah pun terlibat dengan gejala rasuah. Oleh itu, mereka perlu didedahkan dan diberi penjelasan mengenai bagaimana rasuah boleh berlaku di kalangan mereka," ujar beliau. Menurut Marwan Ismail, 29, pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama, pihak fakulti memilih BPR Negeri Sembilan kerana BPR merupakan salah satu badan undang-undang yang boleh dikaitkan dengan integriti.

"Sempena dengan Minggu Integriti yang sedang berlangsung, pelajar-pelajar bukan sahaja tahu mengenai akhlak dan nilai-nilai murni, malah dengan adanya lawatan ini, pelajar-pelajar dapat mengetahui akibat, denda dan perkara-perkara yang berkaitan dengan rasuah secara terperinci kerana rasuah boleh berlaku tanpa mereka sedari.

"Selain daripada itu, pelajar-pelajar juga berpeluang untuk mengetahui peluang-peluang pekerjaan di sana, lebih-lebih lagi apabila Pengarah BPR sendiri memberitahu bahawa pelajar yang mengambil bidang kewartawanan juga diperlukan di sana," tambah beliau lagi.

Sementara itu, menurut seorang lagi Pegawai Akademik Wan Moharani Mohamad berkata, pelajar perlu tahu mengenai gejala rasuah sebelum mereka memasuki alam pekerjaan.

"Lawatan sebegini banyak membantu kami dalam memperoleh idea-idea baru terutama selepas sesi soal jawab bersama pelajar-pelajar"



Pegawai BPR sedang memberi keterangan

"Pelajar-pelajar akan menceburkan diri dalam pelbagai bidang pekerjaan setelah menamatkan pengajian mereka. Oleh itu, mereka perlu tahu perkara-perkara yang berkaitan dengan rasuah agar mereka tidak melibatkan diri dengan perkara tersebut," tegas beliau.

Menurut Rozzuwani Mohamad, 24, salah seorang daripada peserta lawatan ini berkata, dalam lawatan ini mereka dapat belajar dengan lebih jelas apa yang dimaksudkan dengan rasuah.

"Selepas lawatan ini diadakan, kami dapat mengetahui gambaran yang lebih jelas mengenai rasuah dan yang paling penting, kami dapat mengetahui peranan kami sebagai pelajar dalam usaha mencegah rasuah daripada berlaku," katanya apabila ditanya mengenai lawatan tersebut.

Sementara itu, seorang lagi pelajar yang menyertai lawatan tersebut Syakirah Salehuddin, 23, melalui lawatan seperti ini, mereka dapat mengetahui dan menyedari dari awal mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan rasuah sebelum memasuki alam pekerjaan.

"Dengan adanya lawatan ke BPR ini, saya dapat mengetahui makna rasuah yang sebenar. Dengan itu saya akan lebih berhati-hati dan akan cuba mengelakkan diri dari gejala tersebut," tambah beliau.

Menurut Nurul Wahidah Shariffuddin, 24, lawatan ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri dengan aktiviti luar universiti.

"Lawatan ini memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar mengenai isu-isu masyarakat dan tidaklah tertumpu kepada aktiviti kampus semata-mata," ujar beliau.

Lawatan yang dianjurkan oleh Fakulti Pengajian Bahasa Utama itu telah diadakan bersempena Minggu Integriti Universiti Sains Islam Malaysia yang bermula pada 28 Januari sehingga 1 Februari 2008. Lawatan ini melibatkan seramai 26 orang pelajar dan diiringi oleh tiga orang pensyarah daripada FPBU.

Program FST tarik minat pelajar

Oleh SHAKIRAH, AZIMAH dan RAIHAYU

Nilai- Bersempena dengan Minggu Integriti yang dianjurkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia pada 28 Januari hingga 1 Januari 2008, Fakulti Sains dan Teknologi (FST) telah mengatur pelbagai pengisian program sepanjang minggu tersebut. Antara program itu adalah Sukan Muhibbah dan Explorace.

Menurut Pengarah Program Minggu Integriti Fakulti Sains dan Teknologi, Dr Siti Salhah Othman, tujuan utama program ini dianjurkan oleh pihak fakulti adalah untuk menyuntik nilai integriti di kalangan pelajar dan warga FST.

"Semua program anjuran FST melibatkan pelajar, pensyarah dan kakitangan FST agar tiada jurang antara pelajar dan pensyarah serta warga FST dan wujudnya hubungan yang baik.

"Saya sangat berpuas hati dengan penyertaan pelajar, pensyarah dan kakitangan fakulti dalam setiap program yang dijalankan walaupun penerapan program lebih santai namun nilai integriti itu lebih terkesan dalam diri setiap pelajar," tambah beliau lagi ketika ditemui di pejabatnya.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Kanan FST, Mohd Asri Husain, program yang diadakan sepanjang Minggu Integriti merupakan hasil per

Aktiviti explore Minggu Integriti FST



bincangan dan pendapat antara pelajar, pensyarah dan kakitangan fakulti. Beliau amat gembira di atas penglibatan para pelajar dalam semua program sepanjang Minggu Integriti berlangsung walaupun mereka sibuk dengan sesi pembelajaran.

"Saya harap para pelajar faham konsep integriti dan nilai moral dalam setiap program, ini kerana pelajar merupakan pelapis generasi pada masa hadapan," tambahnya lagi.

Manakala, Siti Noorain Yusoff, 20, berpendapat Minggu Integriti sangatlah sesuai dijadikan program tahunan IPT.

"Program kali ini memberi kesedaran mengenai maksud sebenar integriti di dalam diri saya dan para pelajar," katanya mengakhiri perbualan. Selain Sukan Muhibbah dan Explorace, program lain yang dianjurkan FST ialah pertandingan mencipta sajak dan pantun integriti, pemilihan tokoh integriti peringkat pensyarah dan pelajar peringkat fakulti, pameran integriti dan majlis penutup Minggu Integriti peringkat fakulti.

FPQS anjur pameran sempena minggu integriti

Oleh NURUL WAHIDAH, ASYIKIN dan NOOR AZWATI

NILAI-Fakulti Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah (FPQS) telah menganjurkan pameran sempena Minggu Integriti. Pameran ini melibatkan badan-badan berkanun seperti Institut Integriti Malaysia, Badan Pencegah Rasuah dan Penjara Seremban. Pameran ini berlangsung pada 30 hingga 31 Januari bertempat di Foyer FSU.

Mohd Hanafi bin Khamis, 34, wakil dari Penjara Seremban berpuas hati dengan sambutan yang diterima dari para pelajar sepanjang pameran berlangsung.

"Saya gembira dengan sambutan menggalakkan yang diterima dari para pelajar. Kebanyakan dari mereka begitu tertarik dengan foto cara pelaksanaan hukuman sebat terhadap penjenayah," ujarnya.

Menurut Adrie Azharie Ab Wahab, penyelaras pameran, para pelajar memberi sambutan yang menggalakkan kerana tawaran hadiah menarik bagi pertandingan "Public Speaking" yang bertemakan "Pembudayaan Integriti Mahasiswa" dianjurkan di tapak pameran.

"Tujuan utama aktiviti ini dilakukan untuk menjadi medium mengasah keyakinan diri para peserta dalam pengucapan awam.

Saya juga berharap agar objektif utama pameran ini untuk mendedahkan para pelajar tentang

"Tujuan utama aktiviti ini dilakukan untuk menjadi medium mengasah keyakinan diri para peserta dalam pengucapan awam"

konsep integriti sebenar tercapai," tambahnya ketika ditemui.

Sementara itu, seorang siswa FPQS yang ditemui, Mohd Hafiz Mohd Zainol, 22, menyokong sepenuhnya pengajuran pameran ini untuk meningkatkan nilai-nilai integriti dalam diri seseorang mahasiswa. Wahyu Hidayatie Muchlis, 21, berharap agar kepelbagaian aktiviti dianjurkan pada masa akan datang untuk sambutan yang lebih meriah dan lebih menggalakkan.



Pelajar sedang melihat pameran di foyer FSU

Debat IKIM, pencapaian terbaik USIM

Oleh NORINDAH dan RASIDAH

NILAI - Kepetahan berhujah pasukan debat USIM menampilkan persembahan yang lebih menyedap walaupun hanya meraih naib johan dalam satu pertandingan debat anjuran Institusi Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Januari lalu.

Menurut Marwan Ismail, 29, Hakim Tertinggi Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM), juga merupakan salah seorang pelatih debat USIM berkata, pencapaian kali ini adalah yang terbaik berbanding tahun sebelumnya.

"Saya amat berpuas hati dengan persembahan ahli-ahli debat USIM walaupun gagal meraih johan. Ini kali keempat USIM menyertai pertandingan debat IKIM dan persembahan yang ditonjolkan kelihatan lebih matang dari segi sikap dan juga keterampilan," katanya.

Tambah beliau lagi, walaupun sebelum ini pasukan debat USIM pernah meraih naib johan dalam pertandingan debat IKIM, namun keunggulan dan keyakinan yang ditunjukkan kali ini membawa pencapaian yang amat baik dan menyedap.

Mohd Hariri Mohamad Daud, 24, satu-satunya pendebat senior USIM mengatakan beliau tidak menyangka pasukan USIM akan ke peringkat akhir.

"Secara peribadi, tanggapan saya hanyalah sekadar separuh akhir. Setelah diumumkan kumpulan kami berjaya ke peringkat akhir, kami cuba berusaha untuk melakukan yang terbaik, namun rezeki bukan dipihak kami. Saya tidak nafikan pertandingan akhir begitu sengit di mana pihak lawan kami adalah kumpulan pendebat senior dari Universiti Malaya (UM)," katanya.



Wajah kejayaan... pendebat-pendebat USIM, dari kiri Mohd Hariri Mohamad Daud, Ummu Umairah Azahari, Mohd Zaini Othman dan Mohd Razlan

Menurut Mohd Zaini Othman, 21, pendebat ketiga USIM, beliau yakin pasukan mereka mempunyai peluang ke peringkat akhir dengan persediaan yang mereka lakukan serta sokongan yang diberikan.

"Walaupun kami kekurangan jurulatih namun sokongan yang di berikan oleh pihak universiti, Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan pensyarah-pensyarah dapat menaikkan semangat kami," katanya.

Dua lagi pendebat baru USIM Ummu Umairah Azahari, 21, dan Mohd Razlan Ahmad, 22, masing-masing mengharapkan pendedahan yang lebih banyak perlu dilakukan selepas ini.

"Secara tidak langsung kami dapat mengumpul pengalaman serta mempelajari corak perdebatan yang lebih sempurna dan merangkumi semua aspek termasuklah dari segi persembahan, bahasa dan isi kandungan," ujar Mohd Razlan.

Sebanyak 16 kumpulan pendebat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menyertai pertandingan debat bertajuk "Patukah Mufti perlu ada di Malaysia" ini. USIM berada di pihak kerajaan tewas tipis dengan mata 74.32% manakala UM mendapat 72.84% di pihak pembangkang. Dalam usaha mempertingkatkan kualiti para pendebat, pihak pengurusan debat USIM membuat inisiatif untuk menambah pelatih tidak lama lagi.

Datuk Jins Shamsudin rasmi majlis penutup FESLAM

Oleh CHE NORAINI, MAHIRAH, NURHAFIZA, NURUL WAHIDAH, HASRINAWATI



Senator bersama Johan Kategori Tradisional Kreatif FESLAM 2008

NILAI - Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin telah merasmikan Penutup Festival Lagu Asli MAKUM 2008 yang berlangsung di USIM. Beliau menyatakan FESLAM mampu merealisasikan hasrat untuk melahirkan modal insan yang dapat mengenali bangsa. Turut berucap pada majlis tersebut ialah Prof Ir. Ahmad Hashim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, merangkap Pengerusi MAKUM 2008.

"Tujuan FESLAM diadakan adalah untuk menedahkan budaya seni dan budaya tradisi di kalangan mahasiswa IPTA. Di samping itu, ia dapat meningkatkan kerjasama antara IPTA terutama dalam bidang seni dan mampu melahirkan budaya kreatif di kalangan mahasiswa," ujar beliau ketika berucap pada majlis tersebut.

FESLAM 2008 turut melibatkan 30 orang peserta dari 17 buah IPTA tempatan. Antara IPTA terlibat adalah USIM, USM, UTM, UJAM, UPM, UM, UKM, UUM, UTHM, UMT, UniMAP,

"FESLAM mampu merealisasikan hasrat untuk melahirkan modal insan yang dapat mengenali bangsa"-Datuk Jins Shamsudin.

UNIMAS, UMS, UTEM, UPSI dan UMP.

Pertandingan ini juga dibahagikan kepada dua kategori iaitu Lagu Asli dan Tradisional Kreatif.

Lima belas orang peserta telah bertanding pada hari pertama festival berlangsung, manakala 15 orang peserta lagi bertanding pada hari kedua sebelum majlis penutup berlangsung.

Artis terkemuka tanah air, Syura telah membuat persembahan pada majlis penutup dengan men-dendangkan tiga buah lagu. Selain itu, turut membuat persembahan adalah Kombo Penjara Kajang yang dijemput khas oleh pihak penganjur serta persembahan daripada

Nurul Amirah, 24, berkata "FESLAM 2008" mampu melahirkan generasi muda yang cekik dengan pelbagai budaya seni.

Johan bagi kategori Lagu Asli dimenangi oleh Yusmawira Mohd Yunus, UTM, manakala johan bagi kategori Tradisional Kreatif pula disandang oleh

NorSuhaila Buang, UTHM. Persembahan Terbaik telah dimenangi oleh Pifi Emmi dan Shazlin Ahmad Nurshaidi UKM, sekaligus menjadikan universiti tersebut sebagai juara keseluruhan.

FESLAM MAKUM 2008 keseluruhannya berjaya mengumpul penyertaan 17 buah IPTA tempatan, ini menunjukkan komitmen dan usaha keras mahasiswa IPTA untuk mengangkat martabat budaya bangsa selari dengan tema FESLAM 2008 "Bersama Memperkasakan Budaya".

Bantuan Perubatan Tidak Mencukupi

Oleh HAFSAH MOHAMED

NILAI - Pasukan bola jaring berasa kesal dengan pengurusan pihak penganjur yang tidak menyediakan bantuan kecemasan yang mencukupi semasa temasya sukan SUFA di USIM.

"Ini amat mengecewakan, tapi pihak penganjur patut menyediakan bantuan perubatan yang mencukupi," kata Razwani Ramli, 20.

Beliau menyatakan kekesalan, apabila peserta yang tercedera hanya dirawat sendiri oleh kawan-kawan yang kurang berpengalaman. Ini boleh menyebabkan kecederaan serius sekiranya rawatan yang diberikan salah.

Peti bantuan kecemasan yang disediakan oleh pihak penganjur tidak kelihatan, Norwahidah Raman, 24, peserta pertandingan bola jaring berkata, "Saya luka akibat tercedera semasa bermain, dan mengambil masa seminggu untuk sembuh." Hal ini dinjur kepada pihak penganjur SUFA 2008 Puan Shaleeza Fauzi, Penolong Pendaftar Unit Sukan USIM berkata, "kami telah mengadakan mesyuarat dengan semua penolong pendaftar fakulti masing-masing agar menyediakan segala keperluan bagi para peserta termasuk makanan dan minuman serta peti kecemasan."

Menurut beliau lagi, pihak penganjur telah menyediakan pasukan bantuan perubatan sepanjang acara berlangsung. Setiap hari, dua pembantu perubatan ditugaskan untuk semua acara yang berlangsung di stadium dan Kompleks Sukan USIM. Ambulans juga disediakan di Pusat Kesihatan Pelajar," tambah beliau lagi. Oleh itu kerjasama antara semua pihak amat diperlukan bagi mengelak kejadian seperti ini berulang kembali.

Usahawan USIM di usia 20

Oleh MADHAH MOHD YUSOF

Nilai - Walaupun masih berada di Tahun Dua pengajian al-Quran dan as-Sunnah, dua pelajar USIM mampu menubuhkan sebuah syarikat kongsi berdaftar, Shafiee Enterprise Syarikat ini beroperasi di lot kedai Persatuan Pelajar USIM sejak awal semester tahun 2008.

Menurut Shafiee Mohd Idris, 20, syarikat ini merupakan cawangan Shafiee Enterprise yang beroperasi di Rawang, merupakan syarikat kongsi beliau dan dua sahabatnya.

"Shafiee Enterprise cawangan USIM ini saya telah bertongsi syer dengan Shafawati Ilyas sebanyak 75% - 25%.

"Di sini kami menyediakan perkhidmatan menjual riba tulis, fotostat, binding, membuat banner dan bunting, cetak t-shirt dan jaket, servis komputer dan pelbagai lagi," ulas Shafiee lagi.

Shafawati Ilyas, 20, ketika ditemui berkata, santunan pelajar ke kedai mereka amat menggagalkan. Tambah beliau lagi, walaupun kedai ini baru ditukar awal semester ini, kini rancangan mengupah lima orang pekerja yang juga merupakan pelajar USIM."

Menurut kedua-dua pelajar ini walaupun sibuk, pelajaran tetap diutamakan bagi menghadapi sebarang kemungkinan dalam bidang perniagaan.

"Kami bersedia menghadapi sebarang risiko dalam bidang ini. Oleh sebab itu kami terpaksa bertolak meninggalkan alan remaja untuk terus berjaya dalam bisnes.

"Berniaga juga membantu mencergaskan otak kita. Apabila otak perga, kita akan dapat belajar dengan lebih baik dan berkesan," jelas mereka lagi.

Bagi Norhanim Kamarudin, 21, merupakan salah seorang pekerja Shafiee Enterprise berkata, "saya sangat senang berkerja dengan mereka dan sering bertukar-tukar pendapat untuk memajukan lagi perniagaan."

Menurut Samah Ibrahim, 20, beliau berpuas hati dengan perkhidmatan di sini. "Walaupun mereka rasah baru, mereka sentiasa berusaha untuk memuaskan hati pelanggan."

Tambah lagi beliau, Mohd Naim Sukaman, 22, "mereka sen biasa meningkatkan perkhidmatan dan rasa ke semasa merujuk kepada pelanggan lebih menarik untuk

Rumah sewa diceroboh

Oleh HIFZUL AMRI CHE WAN HAMAT

NILAI - Sekumpulan tujuh orang penuntut dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terpaksa menanggung kerugian setelah rumah sewa mereka di Desa Anggerik diceroboh di sini.

Dalam kejadian sekitar jam 1.30 petang hingga 2 petang itu, semua penghuni tiada di rumah kerana menunaikan solat jumaat di masjid berdekatan.

Kejadian disedari oleh salah seorang penghuni, Mohd Anis Jais, 22, apabila pulang dari masjid dan mendapati pintu rumah mereka terbuka di samping keadaan dalam rumah yang berselerak.

Antara barang-barang yang didapati hilang ialah wang tunai sebanyak tiga puluh ringgit, sembilan buah telefon bimbit dan sebuah komputer riba. Semua barangan yang dicari dianggarkan bernilai hampir lima ribu ringgit.

Salah seorang mangsa yang ditemui, Ali Othman, 23, (gambar), yang kehilangan dua buah telefon bimbit mengesyaki mereka yang terlibat dalam kes ini terdiri daripada warga asing yang sering berkejaran di kawasan tersebut.

"Kawasan perumahan ini memang sering terjadi kes-kes pecah rumah seperti ini.

"Kebanjiran warga asing di sekitar kawasan ini sejak beberapa bulan lalu sangat merisaukan kami dan penduduk-penduduk yang lain di sini," katanya lagi. Seorang lagi mangsa, Rizarudin Samuddin, 21, tidak menyangka sama sekali kejadian tersebut boleh berlaku di kediaman mereka kerana setiap penghuni telah dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati dalam perkara ini.

"Saya sebagai ketua rumah sewa ini sentiasa mengingatkan mereka supaya memastikan semua pintu rumah dikunci terlebih dahulu sebelum keluar.

"Kawasan kediaman kami ini dah menjadi kawasan hitam dalam Daerah Nilai, kerana sebelum ini pun macam-macam kes jenayah dah berlaku di sini," katanya lagi.

Sementara itu, Ketua Polis Balai Nilai, Cif Inspektor Zainudin Ahmad ketika dihubungi mengesahkan kejadian tersebut.

Salah seorang mangsa di hadapan pintu masuk rumah yang diceroboh



Aktiviti jualan tanpa 'Cashier'

Oleh MADDAH MOHD YUSOF

NILAI - Penjualan barang makanan dan minuman tanpa 'cashier' semakin berleluasa di kolej-kolej kediaman USIM. Asminda Nordin, 23, berkata, "boleh dikatakan setiap blok asrama terdapat aktiviti jualan tanpa 'cashier' di tepi koridor dan tangga. Kebanyakan penjual di kalangan pelajar sendiri."

Tambah beliau lagi, aspek kejujuran dalam diri amat penting dalam jual beli seperti ini kerana wang bayaran tidak dikawal oleh peniaga.

Bagi Maizurah Hamzah, 19, beliau selalu membeli makan atau minuman yang dijual tanpa 'cashier' apabila keadaan tidak mengizinkan turun ke kafe. "Baguslah jika ada jual macam-macam lagi. Lagipun harganya agak murah."

Tambah rakan beliau, Nurul Hidayu Ruslan, 23, "kadang-kadang apabila belajar lewat malam dan terasa lapar kami boleh keluar ke koridor membeli makanan atau minuman. Kami tidak perlu menahan lapar sehingga pagi esoknya."

Anisah Johari, 23, merupakan salah seorang peniaga yang berani dan yakin menjalankan aktiviti jualan tanpa kawalan penuh berkata, "rugi adalah risiko bisnes, kadang-kadang duit dan barang jualan hilang dikebas orang, tapi jarang berlaku kecuali jika ada program yang melibatkan orang luar datang ke

kediaman. "Kami terpaksa menjual barang seperti ini disebabkan kami terikat dengan jadual kuliah yang padat. Ini juga adalah jalan pintas bagi kami yang berminat dalam bidang bisnes untuk mencuba membuat jualan kecil-kecilan seperti dadiah dan kerepek."

Menurut Anisah lagi, jika mereka ingin menjual di kiosk kolej kediaman, semuanya melibatkan pelbagai prosedur untuk mendapatkan kebenaran. Kebiasaannya hanya mereka yang terlibat dengan jawatankuasa kolej kediaman mendapat peluang menjual di kiosk.

Rakan kongsi beliau, Zakiah Ahmad, 22, berkata, "memanglah aktiviti jualan ini secara haram, tapi kami akan meneruskan sehingga notis dilarang dikeluarkan."

"Rugi adalah risiko bisnes, kadang-kadang duit dan barang jualan hilang dikebas orang"



Antara barang jualan di tepi tangga

"Hidup segan, mati tak mahu"

Oleh NURUL WAHIDAH SHARIFUDDIN

NILAI - "Hidup segan, mati tak mahu," itulah perumpamaan boleh digunakan menggambarkan keadaan dua replika dinosour yang terletak dalam sebuah kawasan lapang di Nilai 3.

Keadaan dua replika ini begitu menyedihkan setiap mata yang memandangi. Menurut salah seorang pengunjung yang ditemui, Dayangku Mahirah Ag Bintang, 22, keadaan ini telah berlaku sejak tiga tahun yang lalu tanpa sebarang tindakan diambil oleh pihak yang bertanggungjawab.

"Replika yang sepatutnya menjadi simbol keunikan Nilai 3, terbiar begitu sahaja. Replika yang dibuat menggunakan simen ini telah pecah di bahagian-bahagian tertentu seperti ekor, tangan dan leher, malahan warna kedua-duanya juga telah pudar," katanya lagi.

Menurut salah seorang pekerja medan selera yang terletak berhadapan dengan lokasi replika dinosour tersebut, Noralita Pandi, 21, kerosakan yang terdapat pada dua replika tersebut berpunca dari perbuatan tidak bertanggungjawab remaja nakal yang datang berkunjung ke kawasan tersebut pada waktu malam.

"Mereka datang melepak di situ dan memecahkan bahagian-bahagian anggota dua replika itu dengan menggunakan tukul," tambahnya lagi.

Suhaila Nizam, 22, salah seorang pengunjung Nilai 3 yang ditemui berharap agar tindakan tegas dikenakan terhadap golongan yang melakukan kerosakan tersebut agar mereka serik untuk melakukannya lagi.

Manakala Badrul Hisyam Ahmad, 33, seorang penyelia kilang dari Kajang berharap agar Majlis Perbandaran Nilai (MPN) mengambil tindakan segera untuk memulihkan bahagian yang rosak pada replika tersebut agar imej Nilai 3 sebagai pusat borong terkenal di Malaysia tidak tercalar dengan perkara seperti ini.



Dinosour: Simbol yang musnah di Nilai 3

Tidur di dalam kampus merupakan satu kesalahan

Oleh LUKMAN NULHAKIM ISHAK

NILAI - Kesalahan seperti membuat bising, tidak mengikut etika berpakaian dan tidur di dalam kampus merupakan salah satu kesalahan sepanjang Minggu Integriti Pelajar 2008 (MIP 2008).

"Sempena MIP ini pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM dan Unit Keselamatan diberi tanggungjawab sebagai Penguatkuasa untuk memberi amaran dan menyaman pelajar yang didapati melanggar kesalahan.

"Pihak Keselamatan juga memastikan keselamatan mahasiswa-mahasiswi sama ada di kampus mahupun kolej kediaman dalam keadaan terkawal," kata Rozaimi Kamarudin, 26 merupakan Penolong Pegawai Keselamatan USIM.

Tambahnya lagi, ramai mahasiswa-mahasiswi membuat laporan mengenai kehilangan barang sama ada di dalam kampus, kolej kediaman ataupun yang tinggal di luar.

"Selalunya mereka yang hilang barang ini adalah mahasiswi dan bila disoal-siasat merupakan kecuaiannya mereka sendiri."

"Pihak Keselamatan hanya memberi nasihat dan sebagai langkah pencegahan sering diingatkan dalam program-program seperti ini," katanya.

Selain itu, antara program yang dianjurkan oleh pihak keselamatan juga ialah mengadakan sekatan jalan raya bersama pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan SUKISIS.

"Unit keselamatan mengharap agar MIP 2008 ini berjaya untuk membentuk dan mendidik mahasiswa-mahasiswi yang cemerlang," katanya lagi.

Md. Ishak Rahman, 36, selaku Penolong Pendaftar Kanan HEP berkata, kesalahan seperti ini sepatutnya tidak berlaku kerana mengganggu ketenteraman orang lain.

"Sebenarnya kesalahan ini telah dinyatakan di dalam buku Peraturan-Peraturan Pelajar," katanya yang juga merupakan Urusetia MIP 2008.

Bagi Mohd Hariri, 24, pelajar junan Dakwah dan Kepimpinan melihat kesalahan ini sekiranya mengganggu secara keterlaluan, pakaannya tidak mencerminkan sebagai mahasiswa dan ianya benar melakukan perlu diberi amaran terlebih dahulu.

"Sebelum mengeluarkan saman, bagi saya perlu kepada budi-bicara dari Penguatkuasa MIP 2008 kerana jika kesalahannya berulang dan tidak ada perubahan, memang patut disaman," katanya.

Sukan permotoran jadi tarikan

Oleh SUHAIDI dan HASRINAWATI

NILAI - Hebat dan meriah. Begitulah situasi pameran kereta yang diadakan di sini. Program tersebut telah menarik minat lebih 50 orang penggemar kereta sempena hari terakhir program Konvensyen Keusahawanan Islam (ICEPS) 2008 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Program ini berlangsung di perkarangan Stadium Tertutup Nilai bermula dari 14 hingga 17 Februari oleh pelajar-pelajar tahun akhir Fakulti Ekonomi Dan Muamalat (FEM) dengan kerjasama bahagian Hal-Ehwal Pelajar USIM.

Dalam pameran itu, terdapat pelbagai jenis kenderaan yang telah diubahsuai secara kreatif oleh penggemar kereta.

Seorang peserta, Sakthi, 30, berkata beliau sudah lama terlibat dalam aktiviti ini melebihi dari empat tahun. Kerana hobi, beliau tidak kisah untuk membelanjakan wang yang banyak untuk mengubah suai keretanya.

"Setakat ini, saya telah menghabiskan kira-kira RM30 ribu untuk mengubah suai serta menambah aksesori dalaman dan luaran kereta saya ini," katanya.

Bagi Azlan Ahmad, 34, beliau sudah lapan tahun terlibat dalam aktiviti ini. Dalam tempoh masa tersebut, beliau telah membelanjakan hampir RM78 ribu untuk mengubah suai keretanya.

"Bagi saya, kepuasan yang saya alami apabila memenangi sesuatu pertandingan mengatasi jumlah wang yang telah dibelanjakan," katanya lagi.

Selain itu beliau yang terlibat dalam pemiagaan penjualan aksesori kereta ini juga mempunyai kelab tersendiri iaitu "Kajang Motor Sport".

Menurut Ketua Program, Hanif Abd Aziz, 24, beliau amat berpuas hati dengan penyertaan dan kerjasama yang diberikan oleh para peserta.

"Kami menjangkakan hanya 30 penyertaan sahaja, tetapi lebih 50 penyertaan tidak termasuk yang tidak mendaftar telah menyertai pameran ini," ujarnya.

Sementara itu, satu lagi aktiviti yang menarik minat para pengunjung ialah sukan permotoran minibike yang julung kalinya diadakan sejak penganjuran ICEPS berlangsung. Ini bertujuan memberi pendedahan ringkas mengenai sukan tersebut kepada orang ramai.

Uniknya seorang kanak-kanak, Ady Rahimy Rashid, 9, telah melakukan aksi menarik di litar trek ICEPS dan sebagai pertunjukkan demonstrasi minibike kepada para pengunjung yang datang pada waktu itu.

Sukan permotoran autoshow dan minibike ini mendapat sambutan yang memberangsangkan dari segenap lapisan masyarakat terutamanya di kalangan para remaja.



Gambar 1



Gambar 2

Gambar 1: Antara kereta yang telah diubahsuai.
 Gambar 2: Seorang pengunjung sempat bergaya di sebelah kereta yang menarik perhatiannya.
 Gambar 3: Salah seorang pelumba cilik



Gambar 3



'lah' and 'kan' are words that usually used among Non-native speakers in Malaysia.

By NORMAZLA AHMAD MAHIR

Presently, we are living in a time when the distinctive line describing users of English are becoming even harder to maintain.

There are two categories of users, native speakers (NS), Non-native speakers (NNS) that use English as a second-language (ESL) and foreign language users (EFL). Once they were fairly clear, the first were born to English, the second had it thrust upon them in colonial times, and the third was everybody else who knew any English.

Alas, this is unavoidable, apart from its nature to evolve, language also comes in many variations.

The most vivid example would be in the emergence of language varieties like *Singlish* (Singapore English), *Japlish* (Japanese English) and others.

Being a multicultural country, Malaysia is not excluded from having its own language variety, *Manglish* or popularly known as '*rojak*' language.

The term '*rojak*' does not literally mean one type of cuisine that contains a substantial ingredients like boiled potatoes and hard-boiled eggs, but it can be applied to the condition when one is using a hybrid language, practically by mixing his/her mother tongue (Malay, Tamil, Mandarin, Hokkien, etc) with the national language (Bahasa Malaysia) and the second language (English).

Language Choice and Varieties

English has evolved to the point that it is no longer owned by its native speakers. Consequently, with its global users, English is enriched with a multiplex range of socio-cultural, socio-political and socio-linguistic features. For instance, the borrowing of words like '*Amok*' from the Malay culture and '*Haisei*' from the Japanese culture have expanded English's vocabulary to foreign worldviews.

Hence, the global enrichment of English has helped build the adaptability in the use of English outside the British Isles. In relation to globalization, English acts as means of promoting cross-cultural awareness, and cross-cultural expression (intellectually, politically, and artistically) that widens its context variety (Winters, 1996).

However, simultaneously, these features have also brought on the emergence of varieties of English that are not anymore subjugated to the dominance of its native speakers, namely the British. Thus, its widespread usage has brought about a tidal wave of enrichment and complexity.

As we know, language shapes society, and vice versa. Consequently, the evolution of a language deals with socio-cultural, socio-political and socio-linguistic baggage. According to Baugh (2002):

"Language is only an activity of people... Language is but the expression of the people who use it, and should reflect the nature and of the speakers."

Hence, in the acquisition and teaching of English language, the socio-cultural, socio-

political and socio-linguistic features of the target language (TL) are transferred to its non-native (NNS) learners and educators. The direct and indirect meanings of the TL are shaped by these features, which are imposed and adopted by its NNS learners and educators (Kramersch, 1998).

Baugh (2002) also stresses that language also reveals how advanced a culture is. Thus, as a society evolves in becoming more powerful, influential and progressive, the status of its language is altered.

A good instance can be seen in the dominance of American English over British English. With America's independence from the British Empire and winning role in World War Two, their dominance grew more than their British colonizers (Baugh & Cable, 2002).

This was added on by their growing role in global media development, printing and science and technology.

Due to this, the Americans grew equally and even more dominant in language and power than compared to the British colonizers themselves. In fact, their contribution to English became more prominent than the British themselves. Even though Americans themselves root from the European countries and the British Isles, their use of English varies from British English.

The same cannot be said of the situation in Malaysia that uses English as a second language, the power to contribute and be a part of the center is far reaching.

However, as Malaysia still adopts Standard British English as the pedagogical model (Gill, 1994), there is a tendency to view the growth of their own variety, ME as being 'corrupted' and of lower prestige than British English. Nonetheless, this need not be so. ME speakers and sociopolitical state are bilingual in nature. Therefore, their use of English would breed differently than English used by the native British speakers.

Phua Chu Kang sitcom is the popular drama used Malaysian English



Malaysian English (ME) As The Non-native

"Language is only an activity of people... Language is but the expression of the people who use it, and should reflect the nature and of the speakers."

Historical Background & Features of ME and its indigenized sub-varieties

The development of a local variety of English in Malaysia (ME) started after Malaysia gained independence in 1957. During that post-colonial era, the new-formed government had worked hard in instilling the patriotism spirits among its people. The Malays, being the indigenous people, form 53.3% of the population and have a native language called Bahasa Malaysia. It has been recognized as the official and national language as means to scrape off any elements of colonization. Since then Bahasa Malaysia has been the medium of instruction at all levels, from primary to tertiary. English is taught as a second language in primary and secondary schools and is used at tertiary level in certain subject areas. English is still considered important; it functions as a second language in society but with a much more restricted role. Efforts on elevating the status and standard of English instruction have occurred only at the school, tertiary and professional level.

Most Malaysian feel that using English for societal needs in the home or in their surrounding as not a necessity. They will be laughed at or accused of 'showing off' and even face incidents of miscommunication with other races in Malaysia that are not proficient in neither Bahasa Malaysia or English. Resulting from this is the emergence of ME, a combination the linguistic influence of the three major races in Malaysia (Malay, Chinese and Indian) and Singaporean English (rooting back to linguistic influence of the earlier inclusion of Singapore as a part of 'Malaya' during colonial times). Such scenario fits Venugopal (2000) description of the factors that contribute much to the linguistic differences and the creation of a Malaysian sociolect (speech variety). The contributing factors are:

- a. educational and language policies
- b. sociohistorical circumstances
- c. geographical factors
- d. socio-cultural settings

Undeniably, ME is an example of localized variety which is geographically distributed and socially defined within Malaysia. It

shares features with Singapore English because of a common.

English language ethos and the historical precedent of colonial British administration. However, the separate educational and language policies of an independent Malaya and subsequently those of Malaysia have contributed to linguistic differences and the creation of a Malaysian sociolect or speech variety.

With regards to socio-cultural settings, in the urban centers, we are exposed to people who are comfortable in their own English-speaking environment. English is not restricted to the home and school but can be used among friends in social intercourse and also in transactions both official and non-official, among government bodies (Wong & Thambyrajah, 1991). The type of English that they use will vary from a standard ME to a colloquial one depending on the situation (official/formal vs. unofficial/informal).

ME displays the distinguishing features of simplification and reduction of a non-native variety, as well as the effects of localization of an acculturated variety. This variety (ME), is the one spoken by the speech community (Gumperz 1972) and fellowship includes the English-educated speaker as well as the marginally proficient speaker of English, while the employees of business organizations, for instance, may also be viewed as members of the same 'discourse community' (Swales 1990).

Henceforth, ME emerges as an informal lingua-franca among Malaysian that only accept the role of English in their lives as needing English in academic and work environments but not necessarily for social needs.

Among features of Malay ME are as the following:

- a. particle '*lah*' usage
- b. particle '*heari*' usage
- c. direct translations of English to Bahasa Melayu
- d. nativized intonation, speech rhythm and pronunciation
- e. code-switching

Interestingly, Malay Malaysian English has more of dialectal influence on the use of English. For example, the use of Kedahese English, Kedahan English and Perakian English. As a result, the dialectal deviations nativise the use of English to the point that makes it more comprehensible to fellow Malay interlocutors of the state. In short, Malay ME is a sub-variant of ME that acts as an intra-state communication tool of English. On the other hand, ME functions on a wider range of interlocutors, namely that the Malays, Chinese and Indian.

Thus, it has these dominant influences, and consequently acts as an intercultural communication tool of English that is more comprehensible within the domains of Malaysia. As emphasized by Gill (1994), ME consists of lectal manifestations that enable international and intra-national to take place.

Hence, there needs to be a growing awareness of the use and features of ME and its indigenized sub-varieties like Malay ME. This can be made strong by the codification of Malaysian socio-context usage of ME, and its registers that can be made applicable to the daily transactions and transaction between the workplace and the

Varieties of the English Language

layman.

This would bring forth the growth of English that is relevant and realistic to the needs of the speech community, rather than blinding jumping on bandwagons of Anglo-prescribed standards and images. Furthermore, with a growing conscious control of language shifts or code switching, motivation to learn English will increase as the speakers feel more proficient (Stevick, 1996) equipped to use English across disciplines, such as desired through the Malaysia's implementation of the teaching of Science using English. In fact, with a more reachable aim and meaning to the learning of English, the Malaysian variety and RP British English model, motivation to learn the language would increase performance and competence in the language.

As it is important to use the ME in the socio-linguistic settings, we have to take note of the bilingual and multilingual society. The status of English in that particular country varies, whether it is the second language (as in Malaysia) or the official language (Singapore). As the Malays, Chinese, Indians have their own mother tongue language, the need for acquiring English vary from the second language for the Malays and third language for the Chinese and Indians – as Bahasa Malaysia is the official language. Hence, ME arises to be the lingua-franca (used in an informal setting) to this multiracial society. For example, a Malay speaker would speak ME with certain words, phrases, particles understood by the Chinese and Indians.

For instance, instead of speaking a proper English for 'It should be done like that', the Malaysian English version would be 'Like that one'.

Is Malaysian English Mangled English?

With the socio-cultural, socio-political changes in the Malaysian scenario, the issue of the gradually falling standard of ME needs to be arrested. Educators have blamed policy makers for sudden, unplanned implementation.

As a result, ME has been implied as 'Manglish' (McArthur, 1998). The term 'Manglish', unfortunately, at most times are referred to 'Mangled English' or 'Broken English'. As a result, ME is regarded as a confusing, displacing and polluting form of nativized English.

To counter attack on such beliefs, proof on

the existence and acceptance of this New Englishes have been recognized through the findings and researches compiled by Platt and Weber's publication (1980).

Evidence on the establishment of the corpus of Malaysian and Singapore English, a dictionary of Malaysian and Singapore English has already been published (Times-Chambers Essential English Dictionary, 1997).

This reveals that there is an emerging effort to codify ME, herewith, making it comprehensible and acceptable within Malaysia and to the NS of English. Linguistically speaking, the existence of ME's may be attained.

However, presently, ME has yet to attain the status of a prestigious variety. In addition, it is not accepted as a model of pronunciation in the English syllabus (Ministry of Education), but being acknowledged as unifying English variety and tool of bridging proficiency gaps in the TL. This is because:

- it is accepted as a colloquial form of English usage
- it is not internationally intelligible, hence, lacking acceptance at the international level
- it has no codified guide of its usage and features
- it has minimal usage of ME in Malaysian literature
- it is not a Reference Model in the education system

In order for a language variety to be strengthened and gradually accepted, it has to go through the codifying agents. In addition, the standardization of the variety needs to also fall in place to gain acceptance within its socio-linguistic context and with the British English RP that acts as model of standard English. In relation to Malay English and ME, this has yet to be seen.

Hence, the development of ME, as a whole, need not be undermined by assumptions on Anglo-based records of standard. ME, like other existing varieties can be standardized to cater the present needs of the speech community and global development that surrounds them. In fact, it can be an equally important partner in the expansion and enrichment of English. Therefore, a mutual sense of acceptance and respect, and co-operation is needed in forming a localized standard that co-exists with the RP British English model.

IT IS BETTER TO PLAY SAFE THAN BE SORRY

By PATRICK SENNYAH

If somebody take a person's picture without his permission, then of course he could face action for trespassing.



A common pen or even a hand phone lying on the table could mean more than meets the eye these days.

The technology used in these simple devices has become so sophisticated that they possess the capability of recording an entire board meeting without anyone even realizing.

With the dawn of such hi-tech devices, and the consequences that could follow if certain recordings are made public, some private companies are considering a ban on hand phones at meetings altogether.

Instances of secret recordings being made public recently not only involve celebrities but also other high-profile public and private figures.

While laws pertaining to the invasion of privacy may still seem blurred in Malaysia, the best advice is to be wary about your surroundings and don't say anything confidential in the open.

A senior lawyer who declined to be named said people should be careful not to say anything confidential in the open as there were always eavesdroppers.

"You must remember that there are no laws against eavesdropping and unless that information is used to defame the person in some way, no action can be taken against anyone for listening," he said.

Defamation is a different thing altogether and it must be something that actually damages a person's reputation, either in a published (libel) or spoken (slander) manner.

If you peep into a person's home or take a person's picture without his permission, then of course you could face action for trespassing.

"However, it is difficult to draw the line as to what amounts to an invasion of privacy as far as recording a conversation is concerned.

"For example, if a camera crew is filming something in a particular area and you happen to use your hand phone nearby and your conversation is recorded... does this amount to an invasion of privacy?"

"If something is so confidential, why speak so loudly and in the presence of others in the first place?" asked the lawyer.

In this era, he said, there are so many devices which can pick up conversations or take a picture miles away.

"With all these latest gadgets, each case on trespass, invasion of privacy and other related cases are deliberated on a case-by-case basis.

"To say what equals this and that is still rather blurred," he added.

Meanwhile, private investigator Alberto Teng, who has been in business for more than seven years, said the commonly used devices in Malaysia were the digital voice recording pen, spy camera, sprinkler-cum-spy camera and tiny spy cams.

He said these devices were easily available and anyone could even purchase them over the Internet.

"Previously, it was difficult to get these devices, but nowadays there is nothing you cannot buy through the Internet," he said.

However, he said there were other hi-tech devices which cost up to hundreds of thousands of ringgit which some private investigation companies in the country had.

"These devices are normally used for high-profile cases."

Teng said most cases received by private investigators were those involving matrimonial issues, money laundering and blackmail.

"Of late, the private investigators market has become so competitive that almost everyone can afford our services now," he added.



The usage of Malaysian English still widen until now.



The commonly used devices in Malaysia were the digital voice recording pen, spy camera, sprinkler-cum-spy camera and tiny spy cams.

Kejayaan: niat betul, jelas tujuan

Hadis Nabi SAW yang masyhur dan dirwayatkan Umar Al-Khattab bermaksud: "Sesungguhnya sesuatu amal itu (bermula) dengan niat. Sesungguhnya setiap orang akan mendapatkan apa diniatkan. Sesiapa yang berhijrah kerana mendapat keredhaan Allah dan Rasul-Nya, maka dia akan mendapat Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang berhijrah untuk mendapatkan dunia atau wanita yang ingin dikahwininya, maka dia akan mendapat apa diniatkan itu." Firman Allah bermaksud: "Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya akan Ku perkenankan permintaan kamu." Niat juga disebut sebagai qasad atau maksud tujuan. Dalam istilah perancangan disebut sebagai objektif atau matlamat.

Hadis itu menegaskan sesuatu amalan menjadi sah di sisi syarak ialah dengan sahnya niat. Sesuatu amalan diterima sebagai pengabdian kepada Allah juga dengan niat dan satu perspektif lain ialah sesuatu kerja itu akan berjaya mencapai kejayaan bergantung kepada niat. Tiga perspektif penting dijelaskan dalam hadis ini ialah:

1. Sah atau tidak amal ibadat bergantung kepada niat dan betul dengan cara disyariatkan.
2. Sesuatu amal ibadat tidak akan mendapat ganjaran jika tidak ikhlas kepada Allah.
3. Sesuatu amal, kerja dan usaha akan gagal jika tidak jelas maksud tujuannya.

Niat adalah amalan hati, minda, emosi dan anggota badan secara serentak. Anggota badan akan bergerak melakukan apa yang ia mahu atau menjauhi apa yang ia takut. Gerakan ini bermula dengan satu keputusan diputuskan oleh hati. Keputusan itu berpunca daripada wujudnya kemahuan yang kuat dalam diri. Kemahuan yang kuat dicetuskan rasa seronok atau takut. Keseronokan dan ketakutan adalah emosi yang lahir daripada gambaran yang ada dalam minda. Gambaran dalam minda boleh diciptakan kita sendiri atau terkesan dengan gambaran yang wujud di luar kehidupan kita.

Objektif hidup jelas disebut juga impian yang jelas. Ia adalah gambaran masa depan yang kita inginkan berlaku dalam diri. Kita tidak akan berjaya membuat kek buah yang sedap jika kita tidak bersetia untuk membuatnya.

Walaupun kita berazam hendak membuat kek buah yang sedap, kita tidak akan berjaya jika kita tidak mampu membayangkan rupanya, aromanya, rasanya, kelezatannya dan mendengar bagaimana orang memuji keunikannya.

Walaupun kita sudah dapat membayangkan matlamat, kita juga tidak akan berjaya jika kita tidak tahu apakah cara membuatnya, bagaimanakah adunannya dan langkahnya satu persatu. Jika kita berjaya membuat sebiji kek buah, melalui tunjuk ajar pakar dan kita merasa keenakan masakan itu sudah pasti kita mampu mengulanginya. Gambaran objektif yang jelas untuk membuat kek buah adalah contoh bagaimana minda kita berperanan.

Kejayaan hidup ialah kejayaan mencapai impian hidup digambarkan dengan sejelas-jelasnya dalam minda. Apa yang kita lihat wujud di dunia ini asalnya adalah impian orang yang mewujudkannya.

Mercu tanda negara seperti Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan banyak lagi bermula daripada sebuah impian yang jelas, kemahuan membara dan usaha tindakan tidak pernah mengaku kalah kepada cabaran kehidupan yang menghalang.

Bayangkanlah, impikanlah apa saja yang kita mahu, ia adalah percuma dan Allah akan kurniakan segala sangka baik kita kepada-Nya. Cuma awas, jika impian itu menjadi sesuatu yang menyakitkan, kita tidak akan berjaya mencapainya kerana kesakitan dalam minda adalah satu halangan.

"Bayangkanlah, impikanlah apa saja yang kita mahu, ia adalah percuma dan Allah akan kurniakan segala sangka baik kita kepada-Nya."

Sumber: Bicara agama, Oleh Annuar Salleh, Perunding Kewangan Islam

Agama dan kemusykilannya



Bersama
En. Abdullah Jalil,
Pensyarah Fakulti
Ekonomi dan
Muu'malat, USIM dan
Penyedaras INFAD

"Segala jawapan saya yang bertentangan dengan Fatwa Negeri atau Kebangsaan adalah ditolak"

Soalan 1

Hukum memotong kuku.

Apakah hukum perempuan yang sedang Uzur Shar'ie memotong kuku?

Syahadah, FKP

Jawapan:

Hukum asal memotong kuku adalah sunat kerana ia adalah merupakan salah satu sunat-sunat fitrah. Ini juga hukum bagi perempuan yang uzur Shar'ie. Pemotongan kuku bagi orang yang berihram adalah haram. Perbezaan pendapat mengenai pemotongan kuku berlaku hanya bagi orang yang dalam keadaan junub dan si mati di mana mazhab Hanafi berpendapat pemotongan kuku bagi orang yang dalam keadaan junub adalah makruh.

Soalan 2

Ambil wudhu' di tandas.

Apakah hukumnya mengambil wudhu' di dalam bilik air yang berkongsi dengan tandas seperti keadaan di universiti kami dan kolej kediaman?

Ieda, FKP

Jawapan:

Dari segi hukum fiqh, tidak ada masalah untuk mengambil wudhu' di dalam bilik air yang berkongsi dengan tandas. Namun begitu, elakkanlah membaca doa-doa wudhu' secara jahar (suara yang didengari) ketika berwudhu' di tempat seperti itu.

Soalan 3

Waktu berbuka puasa

Saya penduduk tetap Sabah, sedang melanjutkan pelajaran di Semenanjung Malaysia. Bila bulan Ramadhan, bolehkah saya berbuka puasa mengikut waktu berbuka di Sabah?

Fadlie, FSU

Jawapan:

Anda wajib mengikut waktu berbuka puasa di mana anda akan berbuka puasa seperti mana waktu solat. Sekiranya anda berada di Nilai, Negeri Sembilan, wajiblah anda mengikut waktu daerah ini untuk menulakan atau berbuka puasa seperti waktu solat.

Soalan 4

Bersalaman dengan bukan mahram.

Saya seorang yang aktif dengan aktiviti-aktiviti luar dan selalu berjumpa masyarakat. Kadang-kadang ada sesetengah lelaki sama ada Muslim atau bukan Muslim menghulurkan tangan untuk bersalaman dengan saya. Apakah saya patut lakukan dan apakah hukumnya jika saya menyambut salam tersebut?

Norin, FST

Jawapan:

Ini di antara masalah rumit yang dihadapi oleh ramai di kalangan kita umat Islam. Masalah bersalaman melibatkan anggota tapak tangan dan bukan anggota yang lain, jadi fokus penulisan saya ini adalah kepada isu bersentuhan lelaki dan wanita dengan tapak tangan.

Pihak Darul al-Ifta' di Mesir telah mengeluarkan pernyataan yang sangat teliti mengenai masalah ini. Secara kesimpulannya, ulama' empat mazhab mengharamkan bersalaman di antara lelaki dan perempuan bukan mahram, tetapi ulama' mazhab Syafie mengharuskannya sekiranya aman daripada fitnah, ada hajat dan wujudnya alas yang menghalang persentuhan kulit. Ulama' mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali juga mengharuskan bersalaman dengan orang yang berumur dan tidak lagi disyhwati, akan tetapi ia tetap haram mengikut mazhab Maliki. Terdapat satu pendapat yang dirwayatkan daripada Imam Ahmad bahawa bersalaman di antara lelaki dan wanita bukan mahram adalah makruh secara mutlak. Beberapa individu masa kini menyatakan bahawa bersalaman dengan bukan mahram itu boleh sekiranya tidak diiringi nafsu syahwat dan apabila ada hajat.

Untuk memilih jalan yang paling selamat, berpeganglah dengan pendapat majoriti ulama' kerana Rasulullah SAW pernah bersabda: "Hendaklah kamu berpegang dengan majoriti ulama'" apabila berlaku perselisihan pendapat yang banyak. Pendapat jumhur ulama' adalah pendapat yang paling kuat. Ini adalah kerana sekiranya bersalaman dengan bukan mahram itu boleh kerana hajat, pasti Rasulullah SAW akan bersalaman dengan para wanita ketika melakukan bay'ah (penyerahan janji taat) kerana bay'ah itu merupakan satu hajat dan kewajipan yang penting. Akan tetapi, Rasulullah SAW tidak bersalaman dengan para wanita ketika berbay'ah. Hal ini disokong pula oleh banyak hadis yang berbentuk larangan, penafian dan kejian. Maka, kedudukan yang terbaik adalah dengan memperakui kesalahan kita dan beristighfar kepada Allah SWT.

Pendirian Darul al-Ifta' di Mesir juga jelas bersama dengan pendapat jumhur ulama'. Apa yang perlu diperbaiki ialah cara kita berurusan pada hari ini. Namun begitu, mengikut Darul al-Ifta' di Mesir, ruang yang sangat sempit bagi mereka yang sangat terdesak masih ada sekiranya hal ini dilakukan tanpa syahwat,

aman daripada fitnah dan untuk tidak menyakiti mana-mana pihak. Saya melihat isu ini sebagai isu yang agak sulit dan sensitif dan pihak majlis fatwa negeri dan kebangsaan perlulah berbincang mengemainya.

Soalan 5

Tidak khusyu' dalam solat.

Saya selalu sembahyang tidak khusyu' terutama waktu Zohor dan Asar. Ini kerana orang di sekeliling terlalu bising dan keadaan surau yang terlalu sempit. Kadang-kadang semasa sujud, kepala atau badan saya dilanggar/ditolak orang lain. Saya selalu terbayang berada di Makkah pada musim Haji atau Umrah kerana begitulah keadaan di sana. Tapi keadaan di sana berlainan. Adakah saya patut qadha' semula solat saya itu, kerana saya selalu was-was solat saya tidak diterima Allah?

Mahirah, FKP

Jawapan:

